

LIAM rai anak-anak yatim di Ibu Pejabat Utusan

RAI. Seramai 80 anak-anak yatim dari Rumah Penyayang Nur Iman, Anak-Anak Yatim Sekolah Kebangsaan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang dan Rumah Hope dirai-kan pada Majlis Jamuan dan Sumbangan Raya anjuran Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) di Dewan Besar Ibu Pejabat Utusan Melayu, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Presiden LIAM, Toi See Jong berkata, majlis itu bertujuan untuk meraikan anak-anak yatim yang kurang bernasib baik di samping mengingatkan orang ramai tentang kepentingan insurans di dalam kehidupan harian mereka.

Dalam pada itu, seramai 16 ahli LIAM yang terdiri daripada syarikat-syarikat insurans di negara ini turut mengambil kesempatan untuk melawat pejabat *Kosmo!*

Rombongan tersebut disambut oleh Penolong Pengarang 2 *Kosmo!*, Lokman Othman dan Pengarang *Kosmo!* Ahad, Wan Hasnan Wan Hasan.

TIMBALAN Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad (berdiri di belakang, lapan dari kiri) bersama See Jong (berdiri di belakang, enam dari kiri) bergambar kenangan bersama anak-anak yatim pada Majlis Jamuan dan Sumbangan Hari Raya di Dewan Besar Ibu Pejabat Utusan Melayu, Jalan Chan Sow Lin semalam.

